



INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM (IRJSMI)

www.irjsmi.com



KONSEP SYUBHAH DALAM PEMAKANAN: KAJIAN PERSPEKTIF PENERIMA ANUGERAH KELUARGA MITHALI (AKM) PERINGKAT KEBANGSAAN

CONCEPT OF AMBIGUITY (SYUBHAH) IN NUTRITION: A STUDY ON THE PERSPECTIVES OF THE NATIONAL RECIPIENTS OF EXEMPLARY FAMILY AWARDS (AKM)

Khairudin Shaary^{1*}, Mohammad Amir Wan Harun²

¹ Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia
Email: khairudinshaary@gmail.com / khairudin@student.usm.my

² Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia
Email: amirwan@usm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.06.2020

Revised date: 05.07.2020

Accepted date: 07.03.2021

Published date: 10.03.2021

To cite this document:

Shaary, K., & Harun, M. A. W. (2021). Konsep Syubhah Dalam Pemakanan: Kajian Perspektif Penerima Anugerah Keluarga Mithali (AKM) Peringkat Kebangsaan. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam*, 3 (6), 26-37.

DOI: 10.35631/IRJSMI.36003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Syubhah merupakan satu skop hukum yang disebutkan secara jelas dalam hadis Nabi SAW. Hal ini memberikan implikasi negatif kepada Konsep Pemakanan *Halalan Toyyyiban* (KPHT) yang menjadi indikator dalam Al-Quran. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk mengkaji konsep *syubhah* berdasarkan perspektif penerima Anugerah Keluarga Mithali (AKM). Kajian ini mengadaptasi metod kualitatif dan menggunakan kaedah temu bual secara *Focus Group Discussion* (FGD) untuk mengumpulkan data. Analisis data-data temu bual diproses dengan bantuan *Non numerical Unstructured Data Indexing Searching and Theorizing* (NUD.IST) atau dikenali dengan QSR NVivo versi 10. Responden kajian merupakan pemenang Anugerah Keluarga Mithali (AKM) peringkat kebangsaan anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Hasil kajian ini dapat membina tema utama yang menunjukkan bahawa, penerima AKM mengambil sikap berhati-hati terhadap perkara *syubhah*. Dalam pada itu, dua sub tema yang lain berjaya dikategorikan di bawah tema utama iaitu pertamanya, *syubhah* dalam pendapatan dan keduanya *syubhah* terhadap 'ain (fizikal) makanan yang hendak diambil. Hasil kajian ini dapat menyumbang kepada pembinaan garis panduan pemakanan *halalan toyyyiban* keluarga muslim khususnya di Malaysia. Kajian-kajian rentetan wajar dijalankan untuk menambah baik kajian ini dengan memfokuskan konsep *syubhah* kepada skop responden yang berbeza.

Kata Kunci:

Konsep, *Syubhah*, Pemakanan, Keluarga Mithali, Peringkat Kebangsaan

Abstract:

Ambiguity (*syubhah*) as a legal scope is clearly mentioned in the hadith of the Prophet PBUH. This leaves negative implications upon the Concept of Halalan Toyyiban Nutrition (KPHT) which is an indicator in the Quran. Hence, this research is carried out to study the concept of ambiguity based on the perspectives of the recipients of Exemplary Family Awards (AKM). The research applied qualitative methodology and utilized Focus Group Discussion (FGD) interview technique to collect data. The analysis of data from the interviews was processed using Non-Numerical Unstructured Data Indexing Searching and Theorizing (NUD.IST) or also known as QSR NVivo Version 10. Research respondents are the winners of the Exemplary Family Awards (AKM) at the national level. The awards were organized by Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Results of the research can be utilized to develop the main theme demonstrating that AKM recipients are taking attentive steps regarding ambiguous matters. Additionally, two other sub-themes were categorized successfully under the main theme; first, ambiguity in the income and secondly, ambiguity in the (physical aspect of the) food that is to be consumed. This research can contribute to the development of guidelines for halalan toyyiban nutrition for Muslim family, especially in Malaysia. Subsequent studies should be carried out to improve this research while focusing on the concept of ambiguity, widening it to a different scope of respondents.

Keywords:

Concept, Ambiguity (*Syubhah*), Nutrition, Exemplary Family, National

Pengenalan

Pemakanan yang halal adalah satu perintah mutlak dalam Islam. Secara asasnya, tema halal yang merujuk kepada Konsep Pemakanan Islam (KPI) adalah makanan yang tidak terdapat unsur haram mahupun *syubhah*. *Syubhah* memberikan implikasi negatif secara langsung kepada KPHT kerana secara holistiknya, perkataan *toyyiban* merujuk kepada sifat pemakanan yang diterima jiwa, bersih, bermanfaat, tiada mudarat dan tiada *syubhah* (Mohammad Amir, 2015).

Sementara itu, dalam proses membina keluarga yang cemerlang, sudah pasti terdapat kaedah dan falsafahnya yang tersendiri. Justeru, Islam amat menegaskan bahawa aspek pemakanan *halalan toyyiban* menjadi pemberatan penting dalam membangunkan sebuah karakter keluarga yang cemerlang dalam aspek duniawi dan ukhrawi. Ini kerana, perspektif Islam memandang bahawa amalan pemakanan *halalan toyyiban* yang menjauhi unsur *syubhah* memberi kesan kepada pembentukan peribadi, kemakbulan doa, kecenderungan berfikir, kesedaran beragama, dan empati diri (Aemy Liza, 2014). Malahan aspek epistemologi Islam menyatakan, pemakanan halal membolehkan individu muslim mendapat keselamatan dari neraka, diterima amal ibadat, membentuk darah daging yang baik, dan memberikan kepintaran akal (Amina, 2009).

Isu makanan *syubhah* menjadi satu polemik yang senantiasa ada dan berlegar seiring dengan zaman. Umpamanya, tentang fenomena produk makanan yang pada awalnya mendapat persijilan halal yang sah, tetapi kemudian harinya terdapat unsur yang meragukan di dalam sesuatu produk. Sebagai contoh, isu produk coklat terkenal berjenama Cadbury menjadi polemik hangat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia selepas disebarkan secara meluas (Ramli *et. al*, 2015). Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui sisatannya terhadap tiga produk Cadbury telah menemui unsur *Deoxyribo Nucleic Acid* (DNA) khinzir (*porcine*) di dalam dua produk iaitu Coklat Susu dengan Kacang Hazel (*Cadbury Dairy Milk Hazelnut*) dan Coklat Susu dengan Buah Badam (*Cadbury Dairy Milk Roast Almond*). Manakala satu (1) lagi sampel iaitu Coklat Susu (*Cadbury Dairy Milk Chocolate*) tidak dikesan DNA khinzir (*porcine*) (KKM 2014). Hal ini menyebabkan status halal yang diyakini pada asalnya boleh jatuh kepada hukum *syubhah* kerana sebab-sebab yang ditimbulkan.

Terbaru, berita Rancangan Television Malaysia (RTM) melaporkan bahawa gula-gula terkenal jenama 'White Rabbit Creamy Candy' yang sekian lama berada dalam pasaran Malaysia telah disahkan mengandungi gelatin atau bahan berasaskan haiwan yang tidak halal. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri hal ehwal agama, Fuziah Salleh menjelaskan perkara tersebut dibuktikan menerusi beberapa siri ujian makmal yang dijalankan oleh JAKIM. Turut berkata memang terdapat gelatin dari sumber haiwan babi *bo-vign* dan gelatin dari sumber lembu yang tidak boleh disahkan halal. Polemik ini sering menjadi perdebatan dan dipersoal di laman sosial kerana faktor bahan yang digunakan dan negara negara pembuatnya iaitu China (RTM, 2019¹).

Dari sudut yang lain, hukum *syubhah* tidak hanya terhenti kepada isu makanan, bahkan turut mempunyai kaitan yang sangat signifikan dengan ehwal pendapatan. Pendapatan yang *syubhah* ialah pendapatan yang yang meragukan dari segi kehalalannya. Manakala pendapatan yang *syubhah* adalah pendapatan yang berlawanan dengan maksud pendapatan yang halal. Misalnya, terambil hak orang lain secara tidak sengaja atau disedari dan perbuatan yang setara dengannya. Dalam hal ini, kebanyakan ulama berpendapat bahawa hukumnya hendaklah berbalik semula kepada yang sebelumnya sama ada menjustifikasikan menjadi haram atau halal. Hal ini kerana, tidak harus seorang muslim membiarkan diri terus menerus dalam keraguan, penyelesaian dalam menentukan perkara haram atau halal haruslah diputuskan supaya umat Islam dapat menghindari perkara-perkara yang *syubhah* (Johari, 1992).

Memetik kenyataan timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri, Asyraf Wajdi Dusuki berkata,

"Masyarakat Islam lebih sensitif soal makanan halal tetapi tidak begitu mengambil berat sumber pendapatan yang halal. Keprihatinan tentang label halal dan makanan halal sangat diutamakan. Tetapi kebimbangan sama tidak diletakkan pada punca datangnya duit untuk membeli makanan halal. Wang yang mereka dapat untuk membeli makanan, sama ada ia datang dari hasil riba, penyelewengan, rasuah, mereka tidak peduli. Inilah realiti dalam masyarakat kita hari ini" (Zurairi, 2017²).

¹ Rujuk RTM, September 2019, Mengandungi gelatin khinzir : gula-gula susu "White Rabbit Creamy Candy" sah tidak halal. Diakses pada 13 Januari 2020 di: <https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/15640-mengandungi-gelatin-khinzir-gula-gula-susu-white-rabbit-creamy-candy-sah-tidak-halal>.

² Rujuk <https://www.projekmm.com/news/berita/2017/04/19/muslim-lebih-sensitif-makanan-halal-berbanding-pendapatan-halal/1359575>.

Dalam pada itu, epistemologi Islam jelas menzhahirkan bahawa pekerjaan yang terpalit dengan unsur *syubhah* memberikan kesan langsung kepada pendapatan yang diperolehi seseorang. Dalam satu fatwa oleh mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Zulkifli al-Bakri ketika menjawab persoalan berkaitan pekerjaan yang terkait dengan unsur *syubhah* menyatakan (Zulkifli al-Bakri, 2016)³:

“Seseorang yang bekerja ditempat yang syubhah dan haram tentunya terlepas daripada mendapat keberkatan Allah Taala. Sebaiknya dihindari, namun bila terjebak juga, misalnya ia menanggung beban bagi menafkahi diri, keluarga atau lainnya apabila ia tidak menerima pekerjaan itu maka ia akan kelaparan dan kesusahan, maka bolehlah ia terus bekerja ditempat itu dengan syarat terus berusaha mencari pekerjaan yg halal dan lebih baik.”

Daripada perbincangan yang diutarakan di atas, ternyata sumber pendapatan memberikan kesan langsung kepada aspek pemakanan individu atau keluarga kerana akses untuk mendapatkan makanan adalah melalui hasil pendapatan iaitu wang. Sementara itu, perspektif Islam meletakkan prioriti berkenaan sumber pendapatan dahulu sebelum membincangkan ehwal makanan dan pemakanan (Mohamed Sharif dan Roslee, 2002). Justeru, usaha memperoleh pendapatan halal merupakan satu wasilah untuk memiliki harta dan wang yang halal. Oleh itu, hukum bekerja untuk memperoleh rezeki halal dalam memastikan kehalalan dalam pemakanan merupakan satu kewajipan berdasarkan panduan dari kaedah fiqh yang menyatakan (al-Ghazali, 1998):

الأَمْرُ بِالشَّيْءِ يَشْمُلُ مَا يُؤْتِي بِهِ ذَلِكَ الشَّيْءُ

Maksudnya: Suruhan dengan sesuatu perkara (hukumnya) akan mencakupi setiap apa yang dapat menyempurnakan perkara tersebut⁴.

Justeru itu, berdasarkan permasalahan di atas, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji konsep *syubhah* berdasarkan perspektif penerima Anugerah Keluarga Mithali (AKM) peringkat kebangsaan.

Syubhah Dalam Islam

Syubhah adalah perkara yang tidak diyakini akan halal dan haramnya (Abdul Qadir, 1964). *Syubhah* dapat juga disamakan maksudnya dengan *masbuh*. *Masbuh* bermaksud disyaki, menimbulkan keraguan, atau boleh dipersoalkan. Asasnya, *syubhah* tidak mempunyai cirinya yang tersendiri. Justeru, *syubhah* berlaku apabila terdapat percampuran antara bahan makanan yang halal dengan yang haram dan makanan tersebut sukar dikenalpasti hukumnya (Siti Radhiah dan Shahrin, 2013). *Syubhah* juga boleh terjadi jika sumber sesuatu makanan tertentu diragui asal usulnya, atau terdapat ketidakpastian mengenai kebenaran atau larangannya menurut hukum Islam, maka produk itu dianggap *masbuh*. Umat Islam yang sejati akan menjauhkan dirinya daripada memakan-makanan yang diragui kehalalannya (Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 2006).

³ Rujuk dalam *Al-Kafi Li Al-Fatawi* disalurkan <https://muftiwp.gov.my>: Soalan 432.

⁴ Rujuk juga kaedah fiqh *إِلَّا بِمِيقَاتٍ الْوَاجِبِ إِلَّا بِهِ؛ فَهُوَ وَاجِبٌ* maksudnya, sesuatu yang wajib tidak sempurna kecuali dengannya, ia menjadi wajib (Ab. Latif dan Rosmawati, 2000).

Dalam kitab *al-Fahtu al-Bari*, Ibnu Hajar membahagikan kategori *syubhah* kepada empat jenis iaitu (al-'Asqalani, (t.t) : Jilid 1, dalam kitab *al-Iman*, bab *al-Fadhlu 'ala man istabraa lidinihi*):

- i. Apabila berlakunya pertembungan antara dua hukum.
- ii. Perselisihan antara dua hukum mana yang lebih utama.
- iii. *Syubhah* adalah makruh iaitu perkara yang diutamakan untuk meninggalkannya.
- iv. *Syubhah* yang bertaraf harus atau dibolehkan.

Di samping itu, terdapat dalam kalangan ulama yang membahagikan *syubhah* ini kepada dua bahagian iaitu yang pertama, *syubhah* pada hukum. Keduanya, *syubhah* pada perbuatan. *Syubhah* pada hukum bermaksud sesuatu perkara atau perbuatan yang tidak mempunyai dalil yang jelas dari al-Quran dan al-Sunnah, walaupun para mujtahid telah berijtihad untuk mendapatkan hukumnya namun mereka masih tidak dapat menentukan hukumnya.

Al-Ghazali (1992) dalam *Ihya 'Ulumuddin* pula telah mengkategorikan *syubhah* ini kepada tiga kategori besar. Pertamanya adalah ragu-ragu tentang hukum sama ada perkara tersebut halal atau haram. Keraguan ini datang ketika meneliti sebab halalnya atau haramnya sesuatu perkara. Keduanya, *syubhah* dengan sebab bercampurnya perkara halal dengan yang haram. Ketiganya, *syubhah* yang asalnya halal, akan tetapi sebab-sebab yang mendatang menyebabkan satu kemaksiatan dalam syariat. Perinciannya adalah seperti berikut (al-Qasimi, 2006 dan al-Ghazali, 2005):

- i. Ragu-ragu tentang hukum samada perkara tersebut halal atau haram dalam konteks sebab-sebabnya. Justeru, dalam hal ini terdapat empat perkara yang perlu diteliti untuk mendapatkan klasifikasi, iaitu:
 - a) Sesuatu yang sudah diketahui tentang keharamannya sebelum itu, kemudian diragukan dengan satu keraguan bahawa ada terdapat unsur-unsur yang boleh menghalalkannya. Apabila berhadapan dengan perkara-perkara sebegini, maka umat Islam wajib menjauhinya. Haram hukumnya jika memberanikan diri untuk mengambilnya. Contohnya rumah sembelihan yang asalnya tidak halal, tapi ada ura-ura yang mengatakan tukang sembelihnya sudah diambil orang Islam.
 - b) Sesuatu yang sudah diketahui tentang kehalalannya, kemudian diragukan keharamannya kerana ada bukti-bukti yang dapat menunjukkan kearah itu. Dalam keadaan sebegini, sebaiknya berpegang kepada status kehalalan perkara tersebut. Contohnya ada rumah sembelihan yang sudah dipastikan sembelihannya halal, tapi ada ura-ura yang mengatakan sembelihannya tidak sah kemudiannya.
 - c) Sesuatu yang asalnya memang sudah dianggap haram, akan tetapi hadir sebab yang datang kemudian boleh menyebabkan perkara tersebut boleh menjadi halal dengan alasan adanya keraguan yang dapat mengatasi yang haram. Dalam keadaan ini, menjauhinya adalah termasuk dalam sifat-sifat warak dan berhati-hati. Contoh dalam hal ini adalah apabila seseorang memanah seekor binatang, lalu binatang itu hilang dan tidak dapat dipastikan ke mana arahnya. Tiba-tiba di tempat lain, orang itu mendapati seekor binatang yang sama jenis dengannya mati dan tubuhnya terdapat bekas anak panahnya. Menjauhinya adalah dalam perkara yang warak.

- d) Sesuatu yang sudah diketahui tentang halalnya, tetapi timbul satu sebab baru yang membawa keyakinan bahawa perkara tersebut menjadi haram. Dalam hal sebegini, sebab-sebab yang menyertainya perlu diteliti dan dihukumkan sebagai haram. Misalnya seseorang yang dengan ijtihadnya dapat meyakinkan kenajisan dalam salah satu dari dua bekas berdasarkan kepada tanda-tanda tertentu yang dapat menguatkan sangkaannya.

ii. *Syubhah* yang diragui dengan sebab ada percampuran antara perkara yang haram dan halal sehingga amat sukar untuk dibezakan dan diasingkan antara keduanya. Misalnya seekor bangkai binatang telah bercampur dengan seekor atau sepuluh ekor binatang yang disembelih secara sah. Contoh lain, seorang bayi yang telah disusukan oleh salah seorang dari sepuluh wanita. *Syubhah* yang sedemikian wajib dijauhi menurut ijmak para ulama kerana tidak ada jalan lain untuk mengkaji atau berijtihad dalam menentukannya. Sementelah lagi tanda-tanda yang dapat membuktikannya sudah hilang. Ini kerana, sesuatu yang telah bercampur dengan jumlah tertentu, maka hukumnya adalah seumpama satu benda atau subjek.

Namun, jika sesuatu yang haram tersebut bercampur dengan dengan yang halal sehingga mustahil dapat ditentukan jumlahnya maka hukumnya bertukar kepada harus. Misalnya, seorang bayi susuan atau sepuluh orang bayi disusukan oleh wanita yang berada di dalam satu negara atau negeri yang luas. Perihal sebegini tidak menghalang bayi itu daripada berkahwin dengan penduduk di negeri tersebut kerana susuan apabila dewasa. Alasannya adalah kerana kuatnya yang halal dan keperluan berkahwin itu menyeluruh kepada semua umat Islam.

- iii. Terdapat unsur-unsur *syubhah* pada sesuatu yang asalnya halal, tetapi ada sebab-sebab yang datang mengakibatkan kalau perkara tersebut terus dilakukan maka ia akan menjadi satu kemaksiatan. Misalnya jual beli yang dilakukan sewaktu azan jumaat telah dikumandangkan. Begitu juga menyembelih binatang dengan pisau yang diperoleh dari hasil *ghasab*. Asalnya akad jual beli tersebut bukanlah akad yang rosak atau tidak sah, akan tetapi larangan melakukan demikian adalah kerana sebab yang datang kemudian. Menjauhi perkara tersebut termasuk dalam sifat-sifat warak. Manakala melakukan perkara tersebut adalah makruh, dan makruh itu hampir kepada haram (al-Qasimi, 2006).

Kesimpulan daripada perbahasan di atas, perkara *syubhah* ada situasinya menjadi sunat untuk dijauhi dan boleh berubah menjadi haram dan wajib dijauhi (al-Ghazali, 1992). Justeru, perkara *syubhah* khususnya dalam pemakanan adalah satu hal yang sangat dituntut umat Islam agar menjauhinya. Hal ini berdasarkan sabda Nabi SAW:

فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ، فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ

Maksudnya: Barangsiapa yang memelihara dirinya dari perkara-perkara *syubhah* itu, samalah seperti dia telah melindungi agamanya dan kehormatannya (dari nista orang lain), dan barangsiapa yang tersungkur ke dalam perkara-perkara yang *syubhah* itu akan terjerumus pula ke dalam

perkara-perkara yang haram. (Diriwayatkan oleh Imam Muslim, 2014: 1637 jilid 4, dalam kitab *al-buyu*')

Anugerah Keluarga Mithali (AKM) Peringkat Kebangsaan

AKM adalah rentetan daripada penganjuran Anugerah Ibu Mithali (AIM) yang mula diperkenalkan pada tahun 2014. AKM dianjurkan bertujuan memberi pengiktirafan kepada semua posisi personal dalam sebuah keluarga, bukan sahaja kepada ibu tetapi bapa dan anak-anak. Di samping itu, anugerah ini juga diwujudkan sebagai usaha untuk melahirkan keluarga contoh sebagai teladan atau *role model* kepada seluruh anggota masyarakat. Majlis penganugerahan AKM diadakan setiap dua tahun sekali (YADIM, 2019).⁵

Pencalonan, penilaian, dan pemilihan AKM adalah di bawah pengurusan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Pencalonan AKM adalah bersifat terbuka di mana borang pencalonan diedarkan melalui jabatan-jabatan kerajaan seperti majlis agama Islam, jabatan agama Islam negeri, jawatankuasa peringkat kariah, badan-badan bukan kerajaan (NGO), wakil-wakil rakyat, dan pihak swasta. Pemilihan penerima AKM bagi tahun 2017, jawatankuasa pemilihan terdiri daripada 33 orang panel merangkumi ahli akademik universiti dalam pelbagai bidang kepakaran, mufti, dan mantan-mantan mufti. Kesemua ahli keluarga akan dikumpulkan dan dicerap oleh ahli jawatan kuasa memilih secara holistik dari sudut norma kehidupan, kemenjadian modal insan, pengamalan agama, sahsiah, serta kebaktian kepada masyarakat setempat di mana mereka tinggal (Noor Aziah, 2019, temu bual).

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk metod Teori Beralas (*grounded theory (GT)*) bagi menerokai pengalaman penerima AKM dalam mengamalkan pemakanan *halalan toyyiban*.

Teori Beralas (Grounded Theory (GT))

GT merupakan satu metod kualitatif yang menggunakan satu set prosedur yang sistematik untuk mengembangkan satu teori secara induktif tentang satu fenomena. Pendekatan GT ini bukanlah bertujuan untuk mengidentifikasikan atau membuktikan satu hipotesis (Setyowati, 2010: 1). GT menurut Creswell (2014: 64) adalah prosedur berbentuk kualitatif bersistematik yang digunakan untuk menghasilkan teori yang dapat menjelaskan proses, tindakan, interaksi tentang topik-topik substantif atau konseptual pada aras yang luas. Dalam maksud lain, GT adalah pendekatan untuk menghasilkan teori umum atau menjelaskan tentang sesuatu proses melalui penelitian pangkalan data serta menerokai label-label pemboleh ubah yang disebut kategori, konsep, dan ciri, serta mengetahui hubungan sesamanya. Oleh kerana itu ia dinamakan *grounded* (beralas) kerana teori-teori yang mahu dibentuk adalah terkandung di dasar data-data (Creswell, 2007 : 63). Hasilnya, pengkaji dapat membangunkan teori dan set pemahaman baharu berdasarkan daripada sumber-sumber data yang diperolehi.

Kaedah pelaksanaan GT berdasarkan prinsip kajian kualitatif ini akan melalui tiga prosedur asas dalam menginterpretasikan data melalui sistem *coding*. Justeru, pengkaji dalam kajian memulakan prosedur dengan membuat pengekodan terbuka (*open coding*) dimana hasil daripada pembacaan transkrip temubual secara berulang kali, pengkaji dapat membina tema utama atau nod bapa. Nod ini juga disebutkan sebagai kod utama. Selepas itu, pengkaji akan

⁵ Rujuk di laman web: <http://www.yadim.com.my/v2/anugerah-keluarga-mithali/>
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

membuat pengkodan paksi (*axial coding*). Menerusi pengkodan berpaksi ini, pengkaji seterusnya mencipta nod anak atau sub tema yang disusun di bawah tema utama berdasarkan perkaitan-perkaitan yang wujud berdasarkan pembacaan transkrip dan analisa data. Proses pengkodan ini dilakukan dengan melihat kepada frekuensi dan kekerapan perkataan atau kod yang muncul daripada data. Proses berlaku ini sehingga tiada kod baharu muncul. Terakhir, pengkodan terpilih (*selective coding*) dibuat dimana pengkaji menyusun kembali pola-pola yang telah dibangunkan dengan cara baharu supaya bersifat holistik dan relevan.

Pengumpulan Data

Sebelum pengumpulan data daripada responden dibuat, pengkaji telah menemu bual pihak pengurusan AKM yang terlibat secara langsung dengan proses pemilihan bagi memahami secara holistik tatacara pemilihan, kesahan penilaian, dan kriteria calon AKM. Temu bual telah dijalankan terhadap Pengerusi Jawatankuasa Induk AKM telah dilantik sejak AKM mula diperkenalkan pada tahun 2014 sehingga 2019 serta dua orang wakil pegawai YADIM yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir penganjuran AMK. Setelah mendapat maklumat terperinci mengenai penerima AKM, seterusnya pengkaji turun ke lapangan kajian dan menemu bual penerima-penerima AKM menggunakan teknik perbincangan kumpulan berfokus (*Focus Group Discussion* (FGD)). Soalan temu bual adalah berbentuk separa struktur dan melibatkan ahli keluarga asas (*nuclear family*) penerima AKM.

Responden

Pemilihan responden adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Dari tahun pertama AKM diperkenalkan sehingga kini, terdapat dua keluarga yang telah terpilih sebagai penerima AKM iaitu, penerima pertama ialah Keluarga Haji Karim Ashiri pada tahun 2014, ditandakan sebagai G1. Ahli keluarga asas Haji Karim yang terlibat dalam temu bual ini seramai 7 orang merangkumi Haji Karim, isterinya Che Nap Mokhtar dan lima orang anak mereka. Temu bual secara kumpulan berfokus telah dilakukan di kediaman beliau beralamat di Nibong Tebal, Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang. Manakala penerima AKM kedua adalah keluarga Razali bin Awang pada tahun 2017 dan ditandakan sebagai G2. Ahli keluarga asas yang terlibat seramai empat orang merangkumi beliau dan isterinya Esah binti Abdullah serta dua orang anak mereka. Temu bual dijalankan di kediaman mereka beralamat di Kuala Terengganu, Terengganu.

Pengurusan dan Analisa Data

Hasil temu bual telah ditranskrip dan dianalisis dengan perisian NUD*IST (*Non numerical Unstructured Data Indexing Searching and Theorizing*), iaitu QSR NVivo versi 10 untuk membuat pengkodan, penganalisan, dan menghasilkan dapatan kajian yang lebih jitu. Pembacaan transkrip temu bual dilakukan secara teliti dan berulang kali, kemudian pengkaji mula mencipta kod utama (tema utama). Seterusnya, pengkaji mula membina sub-sub tema, menjanakan jadual matriks, dan akhirnya membuat interpretasi dan hubungkait berdasarkan dapatan daripada data.

Dapatan Kajian

Perkara *syubhah* adalah menjadi satu isu yang sangat dititik beratkan oleh penerima AKM dan hal ini diinterpretasikan sebanyak 143 kali sepanjang temu bual. Tema utama dalam dapatan ini dilabel sebagai sikap menjauhi *syubhah*. Manakala sub tema yang dapat dibangunkan merangkumi dua perkara. Pertama, sumber pendapatan yang telus tanpa keraguan dan

keduanya, *'ain* (fizikal) makanan yang tiada keraguan halal. Perinciannya seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Perincian Tema Menjauhi Syubhah

TEMA UTAMA: SIKAP MENJAUHI SYUBHAH		G1	G2	Jumlah
1	Sumber pendapatan yang telus tanpa keraguan	46	30	76
2	'Ain (fizikal) makanan yang tiada keraguan halal	41	26	67
Jumlah				143


Secara amnya, sumber pendapatan berpunca daripada hasil pekerjaan atau keuntungan perniagaan. G1 dan G2 ternyata amat menjaga ketelusan dalam pekerjaan yang menjadi punca pendapatan mereka. G1 menyatakan, “Kalau kerja dengan kerajaan pun, kalau cuti, *you* (kena) ganti lah. *You* buat kelas kemudian. Contoh, macam kita banyak *MC* kan. Tok wan (Hj Karim) ajar macam mana nak buat kan. *So, Give back to the school*. Sedekah balik ke sekolah. Jadi hati kita pun tenang.” Daripada penjelasan G1, responden telah menunjukkan sikap yang dapat menyelamatkan diri daripada mengambil dan menggunakan pendapatan yang tidak menggambarkan ketelusan dalam pekerjaan. G2 pula ada menyebut, “Kalau majikan bagi kerja contohnya tiga hari atau pun seminggu *Insyallah* dah boleh siap sebab benda tu dia beri masa dah cukup. Tapi jadi tak cukup kenapa? Kita tak buat kerja. Kita Ponteng.” Daripada penjelasan G2 ternyata amanah yang diberikan majikan untuk melaksanakan kerja perlu dilunaskan sebaiknya untuk memastikan pendapatan yang terjamin halal, berkat, dan terhindar daripada unsur *syubhah*⁶. Dalam pada itu, daripada temu bual yang dijalankan, responden G1 dan G2 juga ada terlibat secara langsung dengan aktiviti perniagaan secara sampingan yang mematuhi syarak seperti menjual hasil pertanian dan memberikan perkhidmatan membuat kerja-kerja pertukangan untuk menambah pendapatan keluarga.

Sub tema kedua pula menekankan tentang *'Ain* (fizikal) makanan yang tiada keraguan halal. Interpretasi daripada sub tema ini, G1 dan G2 mengambil sikap menghindarkan diri daripada memakan makanan yang dirasakan wujud unsur najis dan *syubhah* yang mana boleh menjejaskan aspek kerohanian atau keagamaan. Justeru, dapat dikatakan responden-responden mengamalkan sifat warak dan berhati-hati dalam pemakanan dan dianggap penting dalam kehidupan seharian. Justeru, G1 ada menyebutkan, “Belut tak makan. Sebab, belut tu ada macam dia makan-makan bangkai ikan lain”. G2 pula menyebutkan contoh sikapnya yang memelihara diri dari perkara *syubhah* ketika mendapatkan makanan dengan menyatakan “Di tempat saya di Jertih *tu* terlalu banyak pantai. Jadi, kalau waktu petang tepi pantai *tu* banyak jual air kelapa dan apa semua. Kita tahu di situ ada orang yang mencuri (buah kelapa) dan memang kita kenal. Lepas *tu* dia pergi jual dekat gerai-gerai *tu*. Jadi kalau kita tahu kat gerai *tu* dia ambil (memborong) buah curi, kita tak pergi beli di gerai *tu*. Kita rasa *syubhah*, memang kita tinggalkan.” Kenyataan G2 dan G1 menunjukkan sikap berhati-hati responden dalam mengelakkan diri daripada terambil makanan yang berkemungkinan berada dalam status *syubhah*. Hal ini bertepatan dengan hadis Nabi SAW yang menyatakan:

⁶ *Syubhah* menurut al-Ghazali (1998) ialah samar atau kurang jelas. Maksudnya ialah, setiap perkara atau persoalan yang tidak begitu jelas antara halal dan haramnya bagi manusia. Hal ini boleh terjadi mungkin kerana tidak jelasnya dalil dan mungkin kerana tidak jelasnya metod untuk menerapkan dalil yang ada terhadap sesuatu fenomena. Justeru, Islam memberikan garis panduan untuk menghadapi perkara ini iaitu bersikap warak.

Maksudnya: Tinggalkan apa yang meraguimu kepada apa yang tidak meraguimu. (Diriwayatkan oleh al-Nasai: 2012, 5414, Jilid 7, dalam kitab *al-Asyribah*, bab *al-hassu 'ala tarki al-syubhat*, Diriwayatkan juga oleh al-Tirmizi dalam kitab *sifatu al-qiyamah wa al-raqaiqu al-warak*)

Kerangka Konseptual Dapatan Kajian



Rajah 1: Kerangka Konseptual Syubhah Dalam Pemakanan Daripada Perspektif Penerima AKM

Kesimpulan

Perkara *Syubhah* sama ada dalam aspek fizikal makanan dan pendapatan merupakan perihal yang sangat diambil berat oleh penerima AKM dalam kehidupan seharian. Sikap menjauhi perkara syubhah oleh penerima AKM ini boleh dianggap sebagai sifat warak sepertimana yang digalakkan dalam Islam. Keupayaan mengklasifikasikan sumber pendapatan dan makanan yang halal, haram, serta *syubhah* menjadi kekuatan dalam memastikan KPHT dapat dipelihara oleh penerima AKM. Justeru itu, kajian-kajian rentetan boleh dijalankan dengan skop yang lebih khusus seperti menganalisis aspek sikap dan kesedaran keluarga muslim berkaitan konsep *syubhah* dalam pemakanan atau dalam pendapatan secara lebih mendalam.

Rujukan

- Abdul Qadir Abdul Muttalib. (1964). *Penawar bagi hati*. Yala, Thailand: Sahabat Press.
- al-'Asqalani, Syihabuddin Ahmad bin Ali bin Hajr. (2013). *Fathu al-Bari Bi Syarh Soheh al-Bukhari*, Jilid 1-24. Damsyik, Syiria: Dar al-Risalah al-'Alamiah.
- al-'Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajr (1379H). *Fathu al-Bari Bi Syarh Soheh al-Bukhari*. Jilid 1. Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz (pentashih). Riyadh: Al-Maktabah Al-Salafiyah.

- al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad Bin Muhammad. (2005). *Ihya Ulumuddin*. Beirut, Lubnan: Dar Ibu Jazm.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (1992). *Ihya' 'Ulumuddin Atau Mengembangkan Ilmu Agama*. Jilid 2. Terjemahan: Ismail Yakub. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (1998). *Halal Dan Haram Dalam Islam*. Susunan: Abdullah Thaib. Kuala Lumpur, Malaysia: Jasmin Enterprise.
- al-Muslim, Abi Husain Muslim bin Al-Hujjaj al-Qushari al-Nisaburi. (2014). *Soheh Muslim: Wahuwa al-Jami al-Musnad al-Soheh*. Jilid 1-8. Qaherah, Mesir: Dar al-Tasil, Markaz al-Buhus wa al-Taqniah al-Ma'lumat.
- al-Nasai, Abi Abdul Rahman Ahmad bin Shuib. (2012). *Kitab al-Sunan al-Ma'ruf Bin al-Sunan al-Kubra*. Jilid 1-2. Qaherah, Mesir: Dar al-Tasil, al-Buhus wa al-Taqniah al-Ma'lumat.
- al-Nasai, Abi Abdul Rahman Ahmad bin Shuib. (2012). *Kitab al-Sunan al-Ma'ruf Bin al-Sunan al-Sugra*. Jilid 1-9. Qaherah, Mesir: Dar al-Tasil, al-Buhus wa al-Taqniah al-ma'lumat.
- al-Qasimi, Muhammad Jamaluddin Ad-Dimasqi. (2006). *Intipati Ihya' Ulumuddin, Pengajaran Bagi Orang-orang Mukmin Imam Ghazali*. Terjemahan: Panel penterjemah Darul Fajr, Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- Aemy Liza Binti Minhat. (2014). *Hubungan Makanan Dan Pemakanan Halalan Toyyiba Dengan Akhlak*. Tesis Sarjana. Skudai: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Amina Haji Noor. (2009). *Tekanan Darah Tinggi Dan Pemakanan Sihat*, Kuala Lumpur, Malaysia: Al-Hidayah Publication.
- Asiah Shafie, Mohd Arif Nazri, dan Haziyyah Hussin; 2019; *Makanan Halal Menurut Perspektif Islam dan Kepentingan Pelabelan*. Jurnal; BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, Volume 2, Issue 3, 2019: 070-084, e-ISSN: 2600-9080.
- Azizan Ramli, Mazlin Mokhtar, Tuan Sidek Tuan Muda & Badhrulhisham Abdul Aziz. (2016). *Pembangunan Industri Halal: Konsep Halalan-Toyyiban dan Pengurusan Keselamatan Industri dalam Kerangka Maqasid al-Shariah*. *Ulum Islamiyyah Journal, Universiti Sains Islam Malaysia*, vol. 18, 91-114. ISSN 1675 – 5936.
- Creswell, John. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. London: Sage Publications.
- Creswell, John W. (2014). *Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. 4th ed. Thousand Oaks, California: SAGE Publications.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2014). *Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Jafri Abdullah. (1427 H/ 2006). *Malaysia Hub Pengeluar Produk Halal: Potensi Dan Cabaran*, *Jurnal Halal*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Johari Alias. (1992). *Antara Subahat, Halal Dan Haram*. Kuala Lumpur, Off Jalan Ipoh: Penerbit Haameem.
- Muhamad Zuhaili Saiman. (2014). *Kewangan Harian Kita, Halal @ Haram?*. Shah Alam, Selangor: Grup Buku Karangkrak SDN BHD.
- Mohammad Amir Wan Harun. 2015. *Pembinaan Model Pelan Pemakanan Berdasarkan Prinsip Halāl Lan Tayyibā*. Tesis doktor falsafah. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. (2002, Oktober, 8). Bimbingan Kerjaya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Jilid 8*, 63-70. ISSN 1394-1801.
- Noor Aziah. (2019). Temu bual, Institut Islam Hadhari. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Panduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang. (2006). *Halal Haram*. Pulau Pinang: Jutaprint, P. P. And M.
- Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Malaysia: Penerbit Pendidikan Sultan Idris.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang. (2006). *Panduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Halal Haram*. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
- Ramli, M.A., Jamaludin, M.A., Aminnuddin, A.Q., Hamdan, M.N. (2015). *Penyebaran maklumat palsu berkaitan produk halal dan implikasinya terhadap industri halal*. Universiti Malaya. Kertas kerja, pembentangan di Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII), 2-3 September 2015. Negara Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Rancangan Television Malaysia (RTM). (September 2019). *Mengandungi gelatin khinzir : gula-gula susu "White Rabbit Creamy Candy" sah tidak halal*. Diakses pada 13 Januari 2020 di: <https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/15640-mengandungi-gelatin-khinzir-gula-gula-susu-white-rabbit-creamy-candy-sah-tidak-halal>.
- Setyowati. (2010). Grounded Theory Sebagai Metode Riset Kualitatif Keperawatan. *Jurnal Keperawatan Indonesia*, Volume 13, No. 2, 1-10.
- Siti Radhiah Omar dan M. Shahrir Ab. Karim. (2013). *Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia*. Nurdeng Deuraseh dan *et. al* (penyunting). Serdang: Institut Penyedikan Produk Halal: Universiti Putra Malaysia.
- YADIM. (2019). Dimuat turun di: <http://www.yadim.com.my/v2/anugerah-keluarga-mithali>, pada 3 Disember 2019.
- Zurairi. (2017). *Muslim Lebih sensitif Makanan Halal Berbanding Pendapatan Halal*. Diakses di: <https://www.projekmm.com/news/berita/2017/04/19/muslim-lebih-sensitif-makanan-halal-berbanding-pendapatan-halal/1359575>. Dipetik pada 3 Disember 2019.
- Zulkifli al-Bakri. (2016, November, 6). *Tuntutan Kerja Halal*. Diakses pada 19 Oktober 2019, di: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1315-al-kafi-432-tuntutan-kerja-halal>, diterbitkan: 2016.